

Perjanjian Malaysia 1963 (MA63)

Pemberian khas Sabah, Sarawak RM300j setahun

BH - 21/1/2023

W/L: 1 & 2

Oleh Mohd Roji Kawi
mdroji@bh.com.my

Kuching: Kerajaan Persekutuan semalam bersetuju untuk menaikkan pemberian khas mengikut Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan kepada Sabah dan Sarawak sebanyak RM300 juta setahun.

Sebelum ini Sabah hanya menerima RM26.7 juta setahun

dalam bentuk pemberian khas, manakala Sarawak RM16 juta.

Persetujuan itu dicapai dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di sini semalam.

Ketika mengumumkan selepas mesyuarat itu, Anwar berkata, jumlah RM300 juta

RM16j

Pemberian khas
Sarawak sebelum ini

RM26.7j

Pemberian khas
Sabah sebelum ini

adalah pembayaran peringkat awal kerana satu formula khusus sedang diteliti dan akan diumumkan tidak lama lagi.

Katanya, prinsip pemberian khas itu diputuskan oleh pemimpin terdahulu ketika pembentukan Malaysia 60 tahun lalu berikutan kedudukan Sabah dan Sarawak jauh mundur berbanding wilayah Semenanjung.

“Sebelum ini Sarawak hanya menerima pemberian khas itu sebanyak RM16 juta setahun dan saya sebagai Menteri Kewangan sedar tentunya jumlah itu tidak munasabah dan pada peringkat awal ini kita naikkan kepada RM300 juta sebagai satu sumbangan.

Nasional 2



Anwar dipuji selesai pelbagai perkara berkaitan MA63

Dari Muka 1

“Bagaimanapun, untuk beri terlalu tinggi pun kita tidak mampu kerana dalam Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan itu menyebut bahawa pembayaran tertakluk kepada keupayaan kewangan kerajaan Persekutuan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Mesyuarat Majlis Tindakan Pelaksanaan MA63 di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak, semalam.

Dalam akaun twitternya beberapa jam kemudian, Anwar berkata, kerajaan komited untuk menyejajarkan rundingan formula baharu pemberian khas ini untuk Sabah dan Sarawak.

Sebagai langkah permulaan, kadar pemberian khas kepada Sabah dan Sarawak masing-masing akan dinaikkan RM300 juta setahun.

Pada sidang media itu, Anwar

turut mengumumkan pelantikan Setiausaha Kewangan Sarawak, Datuk Seri Dr Wan Lizozman Wan Omar sebagai Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) berkuat kuasa serta-merta.

“Kerajaan Sarawak sudah agak lama meminta pelantikan itu dan atas kuasa sebagai Menteri Kewangan, saya melantik Setiausaha Kewangan Sarawak sebagai ahli LHDN berkuat kuasa hari ini (semalam).

“Pelantikan beliau dibuat berdasarkan syarat profesional serta pengalaman dan beliau semangannya mempunyai kelayakan,” katanya.

Wakil Kerajaan Negeri Sabah sudah dilantik sebagai ahli LHDN pada 1 September 2022.

Mengenai status Sabah dan Sarawak sebagai wilayah, Anwar berkata, pindaan mengenai istilah itu harus dirujuk kepada Raja-Raja Melayu sebelum dibawa ke Parlimen.

“Dalam MA63 yang dimeterai ketika penubuhan Malaysia, negeri-negeri Semenanjung adalah satu entiti wilayah, Sabah satu entiti dan Sarawak satu entiti.

“Pindaan istilah itu harus dirujuk kepada Raja-Raja Melayu dan saya ada membuat perbincangan awal dengan Yang di-Perutusan Agong (Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah),” katanya.

Permudah rundingan

Sementara itu, BERNAMA memetik Abang Johari dan Hajiji sebagai berkata, keterbukaan kerajaan Persekutuan pimpinan Anwar dalam mencari penyelesaian berkenaan isu MA63 memudahkan rundingan buat Sabah dan Sarawak.

Abang Johari yang mengucapkan terima kasih atas beberapa keputusan penting yang dicapai dalam mesyuarat itu, berkata isu berkaitan MA63 adalah mengenai pelaksanaan yang dipersetu-

jui dan bukan satu permintaan baharu.

“Perkara-perkara yang dibangkitkan kita sebenarnya telah termaktub dalam MA63 cuma sekarang ini kita nak laksanakannya. Jika ada masalah teknikal saya yakin ini boleh diselesaikan,” katanya pada sidang media selepas mesyuarat itu.

Hajiji pula berkata, pelbagai perkara berkaitan MA63 untuk Sabah berjaya diselesaikan Perdana Menteri termasuk memindahkan kuasa kawal selia bekalan gas kepada Sabah.

“Walaupun ada lagi beberapa perkara yang perlu perbincangan lanjut tetapi kita amat yakin di bawah pimpinan Anwar kita akan dapat selesaikan banyak perkara dalam MA63,” katanya.

Sebelum ini, Perdana Menteri juga mengumumkan beberapa perkara membabitkan MA63 antaranya mempertimbang jumlah pemberian khas kepada Sabah

dan Sarawak dikaji setiap lima tahun agar lebih munasabah.

Kementerian Kewangan juga bersetuju pelaksanaan projek di bawah kos RM50 juta di Sabah dan Sarawak diputuskan hampir sepenuhnya oleh kerajaan negeri dengan mematuhi peraturan kewangan.

Kerajaan Pusat turut memberi komitmen untuk meneruskan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak dan Sabah bagi menambah baik secara berperingkat jaringan infrastruktur jalan persekutuan di kedua-dua negeri.

Projek Pan Borneo Sarawak kini sudah 91 peratus siap, manakala Pan Borneo Sabah siap sebanyak 73 peratus.

Kerajaan juga komited meneruskan Projek Sarawak-Sabah Link Road, terdiri daripada Fasa 1 (Lawas-Persimpangan Long Loping) yang kini 10 peratus siap, dan Fasa 2 serta Lebuhraya Trans Borneo yang membabitkan Miri-Limbang-Lawas.